

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG



Inspirasi dan Kepimpinan P'CES: Menyantuni Remaja Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar, Pulau Pinang

Ts. Zanariah Abd Rahman, Dr. Zul Azmi Mokhtar, Ir. Ts. Fairus Azwan Azizan, Mohd Khairul Azhar Ismail

Kelab Penang Civil Engineering Student's Society (P'CES) telah menganjurkan Program Tunas Bakti yang bertarikh 7 Disember 2024 bermula jam 9 pagi sehingga 5 petang di Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang. Program ini bertujuan memberikan bimbingan dan suntikan motivasi kepada pelajar Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar yang disertai oleh 40 orang pelajar. Pelajar sekolah tersebut telah dibimbing oleh 36 orang fasilitator yang terdiri daripada pelajar kelab P'CES dan diketuai oleh Pengarah Program iaitu Ikhmal Firdaus bin Norhisyam.

Turut hadir memberikan sokongan sepanjang program ialah empat orang pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Awam yang memainkan peranan sebagai pemandu arah dan penasihat program, iaitu Ts. Zanariah bt Abd Rahman, Dr. Zul Azmi bin Mohtar, Ir. Ts. Fairus Azwan bin Azizan, dan Mohd Khairul Azhar bin Ismail.



Antara aktiviti utama yang dijalankan bersama pelajar sekolah adalah ceramah motivasi yang memberi panduan kepada pelajar untuk menghadapi cabaran hidup secara positif dan proaktif, serta Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang memfokuskan kepada pembangunan sahsiah, kemahiran komunikasi, dan keyakinan diri. Semua aktiviti telah berjalan dengan lancar hasil kerjasama erat di antara fasilitator dan pelajar sekolah serta tenaga pengajar.

Program ini melabuhkan tirainya dengan majlis penutup yang diserikan oleh kehadiran Timbalan Pengetua Sekolah Tunas Bakti, Cikgu Sazalimi bin Mohamad, serta Ts. Dr. Samsudin bin Abdul Hamid selaku Ketua Program (Diploma), Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Permatang Pauh.

Secara keseluruhannya, Program Tunas Bakti ini bukan sahaja membuka ruang kepada pelajar sekolah untuk mengenal potensi diri, malah memberi pengalaman berharga kepada fasilitator dalam mengasah kemahiran kepimpinan dan komunikasi. Bagi pihak UiTM Permatang Pauh, program seperti ini merupakan manifestasi komitmen terhadap tanggungjawab sosial dan penglibatan komuniti (community engagement) yang menjadi salah satu teras penting dalam pendidikan holistik. Ia juga mencerminkan keupayaan pelajar kelab P'CES di Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Permatang Pauh untuk menjadi agen perubahan yang menyumbang secara aktif kepada pembangunan masyarakat. Diharapkan program ini dapat diteruskan dan dikembangkan demi menyemai nilai-nilai murni serta mencorakkan generasi muda yang lebih berdaya tahan dan berinspirasi.

